

PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Rujukan Kami : BOP(D)/UKE/OP(D)-1(230190)
Tarikh : 05 Mac 2026 / 15 Ramadan 1447H

PROCHECK FACULTY SDN BHD
No 4B Jalan Diplomatik,
Presint Diplomatik,
62050 W.P. Putrajaya.

Assalamualaikum wrt wbt.

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN KADAR NISAB BAGI TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, berdasarkan keputusan Mesyuarat Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (Khas) Bil. 1/2026 yang telah bersidang pada 23 hingga 25 Syaaban 1447H bersamaan 11 hingga 13 Februari 2026, setelah meneliti dan berbincang kertas Cadangan Fatwa Penetapan Kadar Nisab Berdasarkan Harga Emas Mengikut Tahun Hijri memutuskan bahawa:


“Mesyuarat bersetuju penggunaan kaedah purata harga emas bulanan berdasarkan tahun Hijri 1446H. Formula kiraan nisab yang digunakan adalah Nisab Zakat = 85 gram x Purata Harga Emas (RM/gram).”

3. Oleh yang demikian, nisab bagi tahun 2026 bersamaan 1447H adalah **RM33,996.00** (setelah dibundarkan) dengan purata harga emas sepanjang tempoh 1446H berjumlah RM399.95/gram.

4. Namun begitu, adalah diharapkan pihak tuan maklum dengan pemakluman ini. Sebarang persoalan pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai kami iaitu **Encik Ahmad Fidaei Ahmad Shukri, Eksekutif Unit Khidmat Ejen PPZ-MAIWP** di talian **010-362 1455** dan emel ke **uke@zakat.com.my**.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
PUSAT PUNGUTAN ZAKAT-MAIWP



DATUK HAJI ABDUL HAKIM AMIR BIN OSMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

MSMS/nfzm